

Penyertaan ahli Akar ke dalam UMNO mantapkan BN

UM 2 1 MAY 2001

KOTA KINABALU 20 Mei — Pembubaran **Parti** Angkatan **Keadilan** Rakyat (**Akar**) dan penyertaan beramai-ramai ahlinya ke dalam UMNO disifatkan sebagai pemangkin kekuatan kepada Barisan Nasional (**BN**) di Sabah.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, ini kerana UMNO yang menjadi parti majoriti kerajaan di Sabah menerima keahlian terbesar apabila bekas majoriti ahli Akar menyertai UMNO.

“Presiden Akar, Datuk Pandikar Amin Mulia telah membuktikan keikhlasan untuk mengukuhkan kedudukan UMNO dan BN di Sabah apabila sanggup membubarkan Akar,” tegasnya.

Beliau memberitahu demikian kepada Utusan ketika diminta mengulas mengenai tindakan Pandikar Amin yang membubarkan secara rasmi Akar yang berusia 12 tahun itu di Hotel Magellan Sutura, di sini hari ini.

Difahamkan Akar mempunyai lebih 30,000 keahliannya yang dianggotai oleh pelbagai suku kaum di Sabah sejak diluluskan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan pada 16 September 1989.

Pembubaran rasmi Akar itu telah dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Menteri Sabah, Da-

milih untuk menganggotai parti lain dalam komponen Barisan Nasional dan PBRS bersedia menerima kemasukan mereka,” katanya!

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Dr. Lajim Ukin berkata, langkah berani Pandikar Amin membubarkan Akar adalah satu petanda baik berupa tindakan jangka panjang untuk mengukuhkan kekuatan UMNO Sabah.

“Ini kerana 90 peratus bekas ahli Akar menyertai UMNO dan dengan sendirinya mengukuhkan kekuatan Barisan Nasional,” tegasnya.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Osu Sukam berkata, pihaknya sentiasa membuka pintu kepada penyertaan bekas ahli Akar ke dalam UMNO.

“Tidak ada masalah kerana mereka boleh memohon menyertai UMNO dan penyertaan mereka itu sudah tentu dapat mengukuhkan lagi kedudukan parti,” tegasnya.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Salleh Tun Said berkata, penyertaan bekas ahli Akar ke dalam UMNO tidak dilihat sebagai persaingan kepada keahlian yang sedia ada.

“Sebaliknya kehadiran mereka ke dalam UMNO akan dapat membantu kekuatan parti sambil bekerjasama membina perpaduan untuk kemajuan bangsa,” katanya.

tuk Chong Kah Kiat yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) Sabah berharap pembubaran Akar tidak menjejaskan kekuatan kerajaan.

Beliau percaya bahawa bekas ahli Akar akan terus menganggotai parti-parti lain di dalam komponen BN di negeri ini.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Km-up berkata, pembubaran Akar adalah satu pengorbanan besar pengasasnya dan dalam masa yang sama bekas ahlinya perlu terus menyertai parti komponen BN bagi mengukuhkan kerajaan.

“Bekas ahli Akar bebas me-